

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan kemahiran belajar pelajar di institusi pengajian tinggi dengan pencapaian akademik pelajar berdasarkan Penilaian Nilai Gred Terkumpul (CGPA). Seramai 112 orang pelajar daripada pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang mengambil kursus SGDE 3133, Pengukuran dan Penilaian Pendidikan terlibat dalam kajian ini. Responden kajian terdiri daripada 23 pelajar lelaki dan 89 pelajar perempuan. Satu set soal selik yang menggunakan skala empat mata telah diguna. Konstruk kemahiran belajar yang diuji ialah sikap, mencatat nota, pengurusan masa, tumpuan dan mendapatkan semula, ingatan, penulisan, peperiksaan, dan membaca. Daripada analisis yang dilakukan, dapatkan kajian menunjukkan tahap kemahiran belajar pelajar hanya berada pada tahap sederhana. Ujian korelasi Pearson telah digunakan untuk menentukan hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, iaitu $r = .23$, $p < .5$ antara kemahiran belajar dengan pencapaian akademik. Kajian ini diakhiri dengan cadangan untuk meningkatkan tahap kemahiran belajar pelajar dan juga cadangan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kemahiran belajar, Sikap, Mencatat Nota, Pengurusan Masa, Tumpuan dan Mendapatkan Semula, Ingatan, Penulisan, Peperiksaan, dan Membaca.